




DIRI SAYA

Buku Kerja Tadika 1

BAHAGIAN I

Pantun Kanak-Kanak

Bermain




Buai laju-laju,
Sampai puncak sana;
Apa dalam baju,
Sekuntum bunga Cina.

Petang-petang menanam serai,
Serai ditanam di tepi perigi,
Sudah petang kita bercerai,
Pagi esok bermain lagi.

Apa yang kamu suka main di taman permainan?

Lukis dan namakan kegiatan tersebut.



Permainan kegemaran saya di taman permainan ialah

_____ .

Kosa Kata





1. Nelayan

Orang yang kerjanya menangkap ikan di laut.

2. Betis

Bahagian berisi di belakang kaki di bawah lutut.



3. kubu

Pagar daripada kayu dan tanah untuk menahan serbuan.

4. Perintah

Kata yang menyuruh. Contoh- Mari sini!



5. Bijaksana

Orang yang pandai

Latihan Penulisan 1

Kecil-kecil cili padi

Kecil-kecil cili padi

Kecil-kecil cili padi



Main Masak-Masak

Buah jambu masak


Masak hujung Julai

Apa jamu kakak?

Nasi dengan gulai!

Apakan makanan kegemaran kamu?

Lukis dan namakan juadah tersebut.



Makanan kegemaran saya ialah _____

Perkakas Makan

1. Piring



2. Pisau



3. sudu



4. Garpu



5. Sudip



Penulisan II

Orang berbudi, kita

berbahasa

Orang memberi, kita

merasa

BAHAGIAN 2

Air Pasang Pagi

Air pasang pagi

Surut pukul lima

Bangun pagi-pagi

Siram pokok bunga


Pokok bunga melur

Tanam tepi batas

Itik dah bertelur

Ayam dah menetas


Apa yang kamu lakukan selepas bangun pagi, ? Lukis gambar di bawah.



Selapas bangun pagi, saya _____

Kata Ganti Diri


1. Ia.




2. Saya



3. Dia



4. Awak



5. Mereka



Penulisan II



Name: _____

Date: _____

Berakit-rakit ke hulu,

Berenang-nenang ke

lapan,

Burung kenek-kenek

Burung kenek-kenek
Terbang cucur atap
Pesan datuk nenek
Hati kita mahu tetap

Burung kenek-kenek
Terbang atas pagar
Pesan datuk nenek
Rajin-rajin pergi belajar


Apakah yang kamu suka belajar? Lukis di bawah.

Saya suka belajar _____


Kosa-Kata

Serigala dan Kanak-Kanak

1. sungai - river



2. serigala - wolf



3. nakal- naughty



4. bohong - lie



5. jujur - honest





Aktiviti Penulisan

Name: _____ Date: _____

Benakbit saktit dahulu,

Benayang senang

kemudahan.

Naratif 1: **Hang Nadim, Anak yang Bijak**



Tulis apa yang kamu ingat dari cerita yang telah dibacakan

Naratif 2 : **Bangau dan Serigala**



Tulis apa yang kamu ingat dari cerita yang telah dibacakan



Naratif 3 : Belalang yang Leka

Tulis apa yang kamu ingat dari cerita yang telah dibacakan

Naratif 4: Kisah Serigala dan Kanak-Kanak.



Tulis apa yang kamu ingat dari cerita yang telah dibacakan

NARATIF

1. Hang Nadim, Anak Yang Bijak

Bacakan kisah dibawah dan tanyakan soalan yang mengikutinya. Untuk anak yang belum tahu menulis, tuliskan ringkasan untuknya.

Pada zaman dahulu, Singapura pernah diserang ikan todak dan ramai orang yang mati atau cedera. Seorang budak yang bijaksana bernama Hang Nadim mencadangkan agar batang-batang pisang dijadikan kubu. Raja bersetuju dan memerintahkan agar kubu dari batang-batang pisang dibina di keliling pantai.

Bila ikan todak menyerang semula, ikan-ikan itu tersangkut pada batang pisang. Penduduk kampung gembira melihat rancangan Hang Nadim berjaya dan terus bersorak. Tidak lama kemudian, ikan todak berhenti menyerang Singapura. Raja memuji Hang Nadim lalu menjemputnya ke istana untuk menerima anugerah.

Sumber <http://tintasufi313.blogspot.com/2013/04/kisah-singapura-dilanggar-todak-versi.html>

Soalan

1. Binatang apakah yang menyerang Singapura?

Singapura diserang ikan todak.

2. Apakah yang Hang Nadim cadangkan dijadikan kubu?

Dia cadangkan kubu dibuat dari batang pisang.

3. Apa yang berlaku pada ikan todak setelah kubu batang pisang dibina?

Ikan todak tersangkut pada batang pisang.

4. Apa yang ingin Raja berikan pada Hang Nadim?

Dia hendak berikan Hang Nadim anugerah.

Dalam tiga hingga lima ayat, ceritakan apa yang kamu ingat tentang cerita tadi.

Jawapan

Singapura diserang ikan todak dan ramai orang cedera atau mati. Hang Nadim cadangkan dibina kubu dari batang pisang. Ikan todak tersangkut pada batang pisang.

Raja puji Hang Nadim dan berinya anugerah.

2. Serigala dan Bangau

Bacakan kisah dibawah dan tanyakan soalan yang mengikutinya. Untuk anak yang belum tahu menulis, tuliskan ringkasan untuknya.

Beratus tahun yang lalu, Serigala dan Bangau adalah sahabat karib. Mereka begitu erat sehingga keduanya sering berkunjung ke rumah masing-masing, bahkan hingga menginap semalaman adalah hal yang biasa.

Pada suatu hari, Serigala mengundang Bangau untuk makan di rumahnya. Setelah Bangau tiba di rumah Serigala, ada dua mangkuk sop yang diletakkan di meja makan. Serigala menghabiskan sop miliknya dengan cepat kemudian berpaling ke arah Bangau dan bertanya, "Bagaimana sopnya teman? Enak tidak?."

Bangau hanya tersenyum masam. Mangkuk sop diletakkan tepat dibawah dagunya sehingga payah untuknya mengangkat mangkuk tersebut karena paruhnya yang terlalu panjang. Namun ia tahu Serigala memang sengaja melakukannya agar ia tidak boleh menikmati sop tersebut. Bangau lalu segera pulang dengan perasaan marah.

Diambil dari <http://www.ceritaanakdunia.com/2016/08/makan-malam-terakhir-serigala-dan-bangau.html>

Soalan

1. Bagaimana kita tahu serigala dan bangau sahabat karib?

Mereka sering berkunjung ke rumah masing-masing.

2. Apa yang serigala hidang untuk Bangau?

Ia menghidangkan sop.

3. Mengapa Bangau tidak dapat menghirup sopnya?

Paruh Bangau terlalu panjang.

4. Mengapa Bangau pulang dengan marah?

Dia rasa serigala sengaja meletakkan sop dalam mangkuk supaya ia tidak dapat makan.

Dalam tiga hingga lima ayat, ceritakan apa yang kamu ingat tentang cerita tadi:

Jawapan

Serigala dan bangau adalah sahabat karib. Satu hari, serigala menjemput Bangau ke rumahnya dan menghidangkan sop dalam mangkuk. Bangau tidak dapat menghirupnya kerana paruhnya yang terlalu panjang. Dia pulang dengan marah.

3. Belalang yang Leka

Bacakan kisah dibawah dan tanyakan soalan yang mengikutinya. Untuk anak yang belum tahu menulis, tuliskan ringkasan untuknya.

Pada suatu hari, belalang mencari kesemua rakan-rakannya untuk bermain tetapi mereka semua sedang sibuk mencari makanan dan berpindah untuk berlindung sebelum musim hujan tiba. Belalang tidak percaya hujan akan turun sebentar lagi. Ia asyik menyanyi dan menari sendirian. Setelah lama menyanyi, belalang pulang ke rumah dan tidur kerana keletihan. Hujan turun dengan lebat lalu belalang terbangun. Ia berasa sangat lapar tetapi di rumahnya tiada makanan.

“Bila hujan berhenti bolehlah saya mencari makanan,” katanya dalam hati. Belalang berbaring semula dan tertidur. Apabila dia terjaga, hujan tetap turun dengan lebat.

Belalang merasa menyesal kerana tidak mengikut nasihat rakannya untuk mencari makanan sebelum musim hujan.

Diambil dari <https://sites.google.com/site/ppbk3105/cerita-kanak-kanak-belalang>

Soalan

1. Mengapa belalang tiada kawan untuk bermain?

Kawan-kawannya sibuk mencari makanan sebelum musim hujan.

2. Apakah yang Belalang lakukan di rumah?

Dia tidur kerana keletihan.

3. Mengapa Belalang tidak dapat mencari makanan?

Hujan turun dengan lebat tak henti-henti.

4. Apa yang Belalang sesalkan?

Dia menyesal tidak mengumpulkan makanan sebelum musim hujan.

Dalam tiga hingga lima ayat, ceritakan apa yang kamu ingat tentang cerita tadi:

Jawapan

Belalang hanya bermain dan menyanyi. Ia tidak mencari makanan sebelum musim hujan seperti rakan-rakannya. Hujan kemudian turun dengan lebat dan belalang tidak dapat cari makanan. Ia menyesal sekali.

4. Kisah Serigala dan Kanak-kanak

1. Apakah yang sering dilakukan oleh budak nakal dalam cerita itu?

Dia suka bermain di tepi sungai

2. Apakah yang dia lakukan untuk tidak berasa bosan?

Dia menjerit yang ada serigala datang menyerang.

3. Apakah reaksi orang kampung bila mendengar teriakan budak nakal itu?

Mereka bergegas menolong mencari serigala agar dia dan kanak-kanak lain tidak cedera.

4. Apa yang budak nakal itu jumpa dibalik semak?

Seekor serigala

Dalam tiga hingga lima ayat, ceritakan apa yang kamu ingat tentang cerita tadi:

Jawapan

Seorang budak nakal menipu orang kampung ada serigala hendak menyerangnya. Pada suatu hari, seekor serigala benar-benar menyerangnya. Mujur orang kampung masih mahu menolong.